

27 DEC 1999

Abdullah-Harakah

TINDAKAN TERHADAP HARAKAH BUKAN KERANA PERBEZAAN POLITIK, KATA TPM

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Harakah sebelum pilihan raya umum lepas kerana tidak mahu dianggap sebagai bermotifkan politik.

"Tindakan polis merampas akhbar Harakah adalah kerana mereka melanggar undang-undang dan permit yang dikeluarkan kepada mereka.

"Tindakan tidak diambil sebelum pilihan raya dahulu kerana nanti orang ramai akan mengatakan tindakan kita itu bermotifkan politik," katanya kepada pemberita pada majlis berbuka puasa bersama kakitangan dan pengurusan Utusan Melayu di pejabat Utusan Melayu di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata tindakan polis merampas Harakah, yang menjadi lidah rasmi parti PAS, baru-baru ini bukan kerana perbezaan politik.

Katanya, sidang pengarang Harakah telah kerap kali diberi amaran oleh Kementerian Dalam Negeri agar mematuhi permit, iaitu tidak mengedarkannya secara terbuka, "tetapi ternyata teguran kerajaan tidak diendahkan oleh mereka."

"Mereka kata O.K...terima kasih tapi lepas itu buat juga, perbuatan mengedarkan Harakah di masjid juga tidak wajar, melainkan semua yang pergi sembahyang di masjid itu anggota Pas," katanya.

Abdullah, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden juga menafikan dakwaan pembangkang bahawa Umno mengawal media tempatan.

"Kalau kita kawal tentu ceritanya (berita) bagus belaka," katanya.

Katanya, dakwaan pembangkang yang mengatakan Umno mengawal akhbar adalah tidak benar kerana parti itu juga tidak terkecuali daripada diserang oleh media.

"Sebab banyak kali berlaku, kerajaan juga merasa tersinggung dan kadang-kadang kita merasa marah dengan sesetengah berita yang disiarkan oleh media," katanya.

Ditanya mengenai langkah kerajaan untuk menarik kembali imam-imam yang anti-kerajaan, beliau berkata: "Yang pentingnya kita perlu meneruskan kegiatan penerangan, di samping itu kalau kita dapati imam telah memecahbelahkan penduduk di sesuatu kawasan itu, saya ingat fungsi dan kredibilitinya sebagai imam sudah tidak berguna lagi."

"Sebagai seorang imam, dia berperanan untuk menyatupadukan masyarakat dan memastikan masyarakat mahu bekerjasama. Bagi rakyat di kampung, apabila seseorang itu menjadi Tok Imam, harapan kepadanya begitu tinggi," kata Abdullah.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu Hadi Awang yang meminta kerajaan pusat supaya tidak "mengganggu" kerajaan negeri pimpinan PAS itu, Abdullah berkata ia bukan "tabiat" kerajaan pusat untuk mengganggu.

"Kita tak ganggu dan bukan menjadi tabiat kita untuk mengganggu sebuah kerajaan negeri. Dia sudah jadi sebuah kerajaan negeri dan biar dia tadbir ikut suka dia, biar rakyat yang menghakimi apa yang dia buat," katanya.

Mengenai Umno Terengganu, Abdullah yang dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu menggantikan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata tindakan akan diambil untuk memperkuat dan memperteguhkan Umno negeri itu.

"Saya akan melawat ke negeri itu selepas Hari Raya nanti. Bagaimanapun, perhubungan dengan mereka (Umno Terengganu) sudahpun dibuat," katanya.

Mengenai masalah di Aceh, beliau berkata Malaysia kini tidak menunjukkan sebarang minat dalam hal itu dan menyerahkan kepada rakyat dan kerajaan Indonesia untuk menyelesaikan masalah dalam mereka.

Pemberita juga mengambil kesempatan bertanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lepas bahawa Umno akan menyokong Abdullah sebagai penggantinya untuk kepimpinan parti.

Jawapan Abdullah: "Saya menganggap saya tidak ditanya dengan soalan itu."

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu Tan Sri Kamarul Ariffin, Timbalan Pengerusi Eksekutif Senator Datuk Zainuddin Maidin dan Ketua Pengarang Khalid Mohamad.

--BERNAMA

JAY RI